

28/05/1999

Elak sikap berkelompok

TINDAKAN segelintir pihak yang cuba mempengaruhi pelajar Islam supaya tidak bergaul dengan masyarakat bukan Islam harus diperbetulkan untuk memberi gambaran lebih positif terhadap agama Islam serta peranan umatnya.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata ini kerana Islam adalah agama sederhana dan bertoleransi yang sepatutnya menjadi amalan setiap umat Islam.

Sehubungan itu, pihak yang berusaha mengasingkan pelajar Islam dengan bukan Islam, mempunyai tafsiran agak sempit dan mungkin mempunyai agenda sendiri.

Beliau berkata, kerajaan tidak mahu wujud masyarakat yang berkelompok di institusi pendidikan kerana Islam tidak menghalang umatnya bergaul dengan orang bukan Islam.

Justeru katanya, pelajar Islam, termasuk mereka di institusi pengajian tinggi tidak harus mengasingkan diri daripada pelajar bukan Islam.

"Banyak faedah dapat diperoleh jika umat Islam bergaul dengan orang bukan Islam. Pertama, mereka boleh menggambarkan bahawa Islam adalah agama yang mengajak umatnya berbuat baik dengan sesiapa saja, termasuk orang bukan Islam, dan ini memberi gambaran lebih positif terhadap imej agama Islam," katanya.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan akhbar yang memetik Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai mendedahkan bahawa ada guru agama yang cuba mempengaruhi kanak-kanak supaya mengelak daripada bergaul dengan masyarakat bukan Islam.

(END)